

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 June 2015

Jadikan Ramadan bulan tingkat prestasi diri - PM

Ketepikan segala perbalahan

11/6/2015

Oleh KAMIL MASLIH

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 JUN

DATUK Seri Najib Tun Razak menyarankan semua umat Islam mengambil kesempatan dalam bulan Ramadan yang mulia ini untuk mengetepikan sebarang bentuk perbalahan dan permusuhan.

Menurut Perdana Menteri, sebarang perbalahan tidak sedikit pun mendatangkan keuntungan bahkan merugikan masa dan tenaga.

"Pada bulan Ramadan yang pe-

nuh keberkatan ini, marilah kita mengambil peluang keemasan untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi diri kita dalam melaksanakan segala perintah Allah," katanya menerusi ucapan sempena Ramadan dalam laman blog najibrzak.com hari ini.

Jelas Najib, puasa mendidik masyarakat Islam untuk menjadi lebih tegas, berdisiplin dan sabar dalam berhadapan dengan sebarang godaan sepanjang Ramadan



NAJIB TUN RAZAK

berlangsung.

Katanya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud di bulan Ramadan, semua amalan anak Adam digandakan kebaikannya sepuluh kali ganda serupa dengannya hingga 700 kali ganda, Allah SWT berfirman, "Melainkan puasa, kerana ia untuk-Ku dan Aku sendiri yang membalasnya, mereka meninggalkan syahwat dan makanannya kerana-Ku."

"Semoga ibadat dan amalan kita

diterima Allah SWT," kata Najib.

Sementara itu, dalam Facebooknya, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri Sabah akan menyediakan bekalan makanan, perubatan dan perlindungan kepada mangsa-mangsa banjir dan tanah runtuh di Ranau, Sabah.

Beliau berharap keadaan di kawasan itu akan pulih dengan segera dan kerajaan akan membantu menyalurkan sebarang bantuan yang diperlukan.

"Saya sedih menerima berita bahawa mangsa banjir dan tanah runtuh di Ranau, Sabah telah mencec-

ah 755 orang.

"Kerajaan Persekutuan dan negeri akan menyediakan bekalan makanan, perubatan dan tempat perlindungan. Saya berdoa agar keadaan pulih secepat mungkin, insya-Allah," katanya.

Jumlah mangsa banjir dan tanah runtuh di Ranau meningkat petang ini kepada 755 mangsa berbanding 455 di sebelah pagi.

Semua mangsa ditempatkan di tiga pusat pemindahan iaitu 393 orang di Dewan Masyarakat Ranau, Dewan Mini Kundasang (218) dan 144 orang di pusat sementara Marakau.